



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### PANDUAN PENCALONAN TOKOH GURU KEBANGSAAN TAHUN 2018

#### 1. Kriteria Pemilihan Calon

- 1.1 Perkhidmatan cemerlang di institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan;
- 1.2 Sumbangan cemerlang kepada profesion keguruan dan pendidikan;
- 1.3 Penglibatan aktif dalam kegiatan luar bilik darjah dan khidmat masyarakat; dan
- 1.4 Kecemerlangan dalam bidang-bidang lain.

#### 2. Syarat Pencalonan

- 2.1 Calon mestilah warganegara Malaysia dan masih hidup;
- 2.2 Calon mestilah dalam kalangan mereka yang telah dianugerahkan Tokoh Guru Peringkat Negeri;
- 2.3 Calon telah bersara daripada perkhidmatan pendidikan;
- 2.4 Calon pernah berkhidmat sebagai pengetua/guru besar/pensyarah/guru sekurang-kurangnya **80 peratus** daripada tempoh perkhidmatan; dan
- 2.5 Calon yang tidak berjaya sebelum ini boleh dicalonkan semula.

#### 3. Kaedah Pencalonan

Pencalonan boleh dibuat oleh Ketua Jabatan (Pengarah/Setiausaha Bahagian, Pengarah Pendidikan Negeri atau Presiden/Yang Dipertua Kesatuan) dengan menggunakan borang pencalonan yang telah disediakan oleh Urus Setia dan boleh dimuat turun melalui <http://www.moe.gov.my/index.php/my/atgk>.

#### 4. Panduan Penyediaan Dokumen Pencalonan

##### 4.1 Pihak yang mencalonkan hendaklah:

4.1.1 mengemukakan maklumat yang lengkap dan bukti yang sah;

4.1.2 menyusun dokumen pencalonan mengikut susunan berikut:

- i. Borang Pencalonan berserta gambar terkini berukuran pasport
- ii. Lampiran 1 - Dokumen Sokongan Sumbangan dan Pencapaian Profesional Dalam Bidang Keguruan/ Pembangunan Sekolah
- iii. Lampiran 2 - Dokumen Sokongan Penglibatan Dalam Bidang Kokurikulum
- iv. Lampiran 3 - Dokumen Sokongan Penglibatan Dengan Komuniti
- v. Lampiran 4 - Dokumen Sokongan Sumbangan Selepas Bersara
- vi. Lampiran 5 - Dokumen Sokongan Penulisan, Penerbitan dan Penyelidikan
- vii. Lampiran 6 - Dokumen Sokongan Penganugerahan

4.1.3 menyediakan video berdurasi tidak melebihi 5 minit berkaitan ketokohan calon. Video hendaklah disimpan dalam cakera padat atau *pendrive*.

4.2 Borang pencalonan **MESTI** diperaku dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan (Pengarah/Setiausaha Bahagian, Pengarah Pendidikan Negeri atau Presiden/Yang Dipertua Kesatuan) **SAHAJA**;

4.3 Ketua Jabatan yang mencalonkan hendaklah memberikan ulasan seperti yang dinyatakan dalam ruangan Perakuan Dan Sokongan di bahagian akhir borang pencalonan; dan

4.4 Borang pencalonan dan video hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **2 Mac 2018** kepada:

Urus Setia  
Pemilihan Calon Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2018  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Aras 3-6, Blok E15, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya  
Telefon: 03-88844268  
(U.P: Ketua Sektor, Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan)